

berita MRT

JANUARI 2013
JILID 2
EDISI 1

www.mymrt.com.my

buletin projek MRT

PP 178111/06/2013 (032659)

Membina terowong di bawah Kuala Lumpur

SEBAHAGIAN *daripada jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang akan dibina di bawah bandaraya Kuala Lumpur di kawasan yang padat dengan bangunan dan sibuk dengan aktiviti perniagaan. Pembinaan terowong dalam keadaan begini adalah sangat mencabar. Namun situasinya bertambah mencabar kerana terdapat dua formasi geologi di kawasan ini. Satu daripadanya adalah Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur yang merupakan formasi geologi yang paling mencabar dari segi pembinaan terowong. Ketahuilah bagaimana cabaran ini diatasi.* (lihat **mukasurat 2** untuk berita lanjut)






MEMBUAT PERSEDIAAN • *Mesin pengorek terowong yang pertama, dilihat dengan delegasi Malaysia dan pegawai-pegawai Herrenknecht AG di Jerman, yang akan dihantar ke Malaysia tidak lama lagi.*

dalam edisi ini >

2 membina terowong di bawah bandar raya

4 status projek

6 membawa maklumat MRT kepada pelajar

7 MIT menyebarkan informasi mengenai MRT

8 cerita & menang

10 MESIN PENGOREK TEROWONG UNTUK PROJEK MRT


SEBAHAGIAN daripada jajaran 51km MRT Sungai Buloh-Kajang akan melalui pusat bandaraya Kuala Lumpur yang sibuk. Proses pembinaan MRT di kawasan yang padat dengan bangunan adalah sangat mencabar tetapi amat diperlukan kerana pusat ibu kota merupakan tempat tuju bagi kebanyakkan pekerja di Lembah Kelang.

Memandangkan ruang yang terhad di kawasan pusat bandar, pihak yang merancang jajaran MRT tidak mempunyai pilihan selain membina laluan di bawah tanah. Pembinaan terowong dan struktur-struktur bawah tanah bukan sahaja dapat mengurangkan keperluan untuk mengambil balik tanah di permukaan bumi dan merobohkan bangunan yang sedia ada. Ianya juga dapat mengurangkan gangguan terhadap trafik dan aktiviti harian semasa dan selepas kerja pembinaan.

Jajaran bawah tanah MRT Sungai Buloh-Kajang yang jaraknya 9.5km akan dibina di antara Portal Semantan di Jalan Duta dan Portal Maluri di Cheras. Tujuh stesen bawah tanah bakal dibina sepanjang laluan ini, iaitu KL Sentral, Pasar Seni, Bukit Bintang Sentral, Pasar Rakyat, Cochrane dan Maluri.



En Marcus Karakashian
PENGARAH PROJEK MRT CORP



MENCABAR • *Grafik menunjukkan formasi geologi di bawah permukaan bumi Kuala Lumpur yang perlu dikorek menggunakan mesin pengorek terowong untuk MRT.*



TRANSFORMASI • *Pandangan dari atas Portal Semantan di mana MRT akan bertukar dari jajaran bertingkat menjadi jajaran bawah tanah. Dua bulatan kuning di dalam gambar menunjukkan lokasi di mana terowong akan dikorek.*

Terowong-terowong MRT akan dibina menggunakan mesin pengorek terowong ataupun tunnel boring machine (TBM). Mesin-mesin ini akan menggali di bawah tanah tanpa mengganggu aktiviti yang dijalankan di permukaan bumi. Sebanyak 10 buah TBM akan digunakan.

Menggali terowong di bawah Kuala Lumpur bukan kerja yang mudah. Menurut Encik Marcus Karakashian, Pengarah Projek di Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), proses pembinaan terowong di bawah permukaan bumi Kuala Lumpur adalah sangat mencabar disebabkan terdapat dua jenis formasi geologi.

"Empat TBM akan menggali di kawasan yang mempunyai formasi geologi yang dikenali sebagai Formasi Kenny Hills yang terdiri daripada batuan sedimen dan pasir. Manakala enam lagi TBM akan menggali di kawasan Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur.

"Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur menimbulkan banyak kesukaran kerana ia terdiri daripada batuan keras yang mempunyai lapisan atasan yang lembut. Lapisan batuan keras ini amat terhakis dan mungkin mempunyai lubang besar dan gua bawah tanah yang penuh dengan air ataupun lumpur. Keadaan ini boleh menyebabkan pelbagai masalah ketika kerja pengorekan terowong dijalankan, jika lubang besar ataupun gua bawah tanah ini tidak dikenalpasti dan diatasi," kata Encik Karakashian. Menurutnya, zon peralihan antara dua formasi geologi ini adalah di Bukit Bintang berhampiran dengan kompleks membeli-belah Pavilion.

Formasi Kenny Hills terdapat di bahagian barat kawasan peralihan ini manakala Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur terdapat di bahagian timur kawasan peralihan ini.

Formasi geologi yang berbeza ini bermakna kontraktor bawah tanah MRT Corp, iaitu MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MMC-Gamuda), perlu menggunakan jenis TBM yang sesuai untuk melakukan kerja pembinaan terowong.

Bagi Formasi Kenny Hills, TBM Keseimbangan Tekanan Bumi atau Earth Pressure Balance (EPB) digunakan. TBM ini dapat mengekalkan tekanan ke atas tanah yang digali di dalam terowong dan ini akan menghalang tanah daripada runtuh.


Bagi Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur pula, mesin yang baru diperkenalkan, iaitu TBM Pemboleh-ubah Ketumpatan ataupun Variable Density (VD) akan digunakan. Mesin ini direka oleh MMC-Gamuda dan syarikat pengeluar TBM terkenal dunia, Herrenknecht AG, yang berpengkalan di Schwanau, selatan Jerman. VD merupakan TBM "Slurry Shield" yang telah ditambah-baik. TBM Slurry Shield telah digunakan untuk membina Terowong SMART sebelum ini.

TBM VD mampu mengawal ketumpatan campuran cecair dan lumpur di dalam mesin untuk mengelak kehilangan tekanan yang mengakibatkan runtuhan tanah di permukaan bumi. Mesin VD pertama yang dikeluarkan oleh Herrenknecht AG akan tiba di Malaysia pada awal 2013.

Encik Karakashian berkata keadaan tanah akan dikaji dengan teliti sebelum kerja pengorekan terowong bermula supaya lokasi lubang-lubang besar dan gua bawah tanah dapat dikenalpasti. "Kami perlu mengenalpasti setiap lubang besar yang wujud di sepanjang laluan TBM supaya dapat diturap sebelum kerja pengorekan dimulakan. Jikalau tidak, tanah runtuh mungkin berlaku," beliau menjelaskan.

Encik Karakashian berkata, MMC-Gamuda mempunyai pengalaman dalam kerja pengorekan terowong dalam keadaan sebegini, berdasarkan kejayaan projek SMART sebelum ini. Dalam memastikan tiada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku, Encik Karakashian berkata terdapat pasukan jurutera yang akan memantau jalan raya dan bangunan-bangunan yang berada di tempat kerja pengorekan terowong.

"Orang ramai tidak akan menyedari aktiviti yang berlaku di bawah tanah. Mereka hanya akan mengetahui kewujudan terowong apabila projek MRT siap dan setelah keretapi MRT beroperasi," katanya lagi.



TEKNOLOGI CANGGIH • *Lakaran pelukis yang menunjukkan bagaimana Mesin Pengorek Terowong Pembolehubah Ketumpatan akan menggali terowong di bawah Kuala Lumpur.*



dari meja Ketua Pegawai Eksekutif

DATO' AZHAR ABDUL HAMID

Projek berjalan lancar

SEJAK edisi pertama buletin Berita MRT, banyak perkembangan baru telah dicatat projek MRT. Semasa edisi pertama diterbitkan, pembinaan MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang masih berada pada tahap awal dan tidak banyak kerja pembinaan yang kelihatan.

Namun, sejak beberapa bulan yang lalu, pembinaan projek MRT telah menjejaki fasa baru. Kini, sukacitanya saya maklumkan, proses pembinaan sudah bermula dengan sepenuhnya. Mereka yang menggunakan jalan raya di sepanjang Jajaran Sungai Buloh-Kajang – samada Jalan Sungai Buloh-Batu Tiga, Lebuhraya Sprint, Jalan Damansara, Jalan Bukit Bintang, Jalan Cheras atau Lebuhraya Grand Saga – dapat melihat tapak-tapak pembinaan yang telah dibersihkan, ditutup dengan penghadang, dan dipenuhi dengan jentera-jentera. Kerja pembinaan kini sedang berjalan lancar di lokasi-lokasi sepanjang jajaran.

Proses pembinaan kini boleh bergerak ke hadapan, setelah kebanyakan pakej pembinaan berjaya ditender. Penganugerahan bermula pada Januari 2012 dengan dua pakej jejambat V5 dan V6. Dengan bangganya juga, saya melaporkan pakej sivil terakhir, iaitu pakej pembinaan V8 telah dianugerahkan pada September 2012. Tambahan pula, kesemua pakej pembinaan 31 stesen di sepanjang Jajaran Sungai Buloh-Kajang juga telah dianugerahkan.

Ini bermakna, dalam masa sembilan bulan, kesemua pakej kerja sivil seluruh jajaran MRT, termasuk kerja pembinaan bawah tanah dan stesen, telahpun ditender, dinilai, dan dianugerahkan kepada pihak-pihak yang layak, untuk memberi laluan kepada kerja pembinaan bermula.

Kemajuan yang berlaku bukan hanya daripada segi pembinaan. Kami juga telah menganugerahkan 10 daripada 11pakej kerja sistem, di mana yang paling menarik adalah tren-tren elektrik, yang telah diberikan kepada satu konsortium yang terdiri daripada syarikat Jerman, Siemens AG, Siemens (M) Sdn. Bhd., dan SMH Rail Sdn. Bhd. Kontrak-kontrak pembinaan sistem lain yang dianugerahkan adalah bagi pakej kerja semboyan dan kawalan tren, peralatan depot dan kenderaan-kenderaan penyelenggaraan, dan juga bekalan dan pengagihan tenaga.

Sejajar pembinaan projek MRT ini, beberapa pihak seperti pengguna jalanraya dan penduduk yang tinggal berdekatan tapak pembinaan akan mengalami kesulitan buat sementara waktu. Ini adalah sangat sukar untuk dielakkan.

Namun, kesulitan ini boleh dikurangkan jika amaran awal diberi dan maklumat disampaikan kepada mereka yang terjejas.

Sehubungan itu, kami ingin mendekati orang ramai supaya maklumat penting tentang projek ini dapat disalurkan. Kami akan menjalankan sesi-sesi dialog bersama pemilik rumah dan residen yang tinggal berdekatan tapak pembinaan, sebelum kerja pembinaan bermula. Semasa sesi-sesi ini, pegawai dan wakil kami akan memberi keterangan lanjut dan terperinci tentang kerja pembinaan yang bakal berlaku. Penduduk boleh mengambil peluang ini untuk menyuarakan pendapat dan apa-apa kebimbangan, di mana kami akan cuba mengambil langkah yang sewajarnya untuk menangani isu-isu berbangkit.

Bagi pengguna jalanraya, kami akan membuat pengumuman tentang segala lencongan jalan, penutupan sementara atau mana-mana perubahan jalan yang bakal dialami dengan secepat mungkin. Malah, kami ada mengumumkan melalui media tentang laluan-laluan alternatif yang boleh digunakan oleh pengguna jalanraya. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat yang terkini melalui media, melalui laman sesawang kami iaitu www.mymrt.com.my atau dengan membuat panggilan ke talian hotline 1-800-82-6868.

Seperti di dalam edisi Berita MRT yang lepas, saya sekali lagi berharap agar mendapat kerjasama anda buat beberapa tahun akan datang, dalam usaha kami membina sistem pengangkutan MRT yang canggih, buat pertama kali di Malaysia. Kesulitan yang dialami adalah pengorbanan hari ini, untuk memudahkan pergerakan dan mobiliti esok hari.

Sekian, terima kasih.

Azhar



TERKINI • *Dato' Azhar Abdul Hamid (kanan) dengan Dato' Azmi Mat Nor, Pengarah MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd bersama media di majlis pelancaran Trak Informasi MRT.*

DANAINFRA TERBIT SUKUK BIAYA PROJEK MRT

oleh Nik Haizan Nik Zambri

DANAINFRA Nasional Berhad, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, menandatangani perjanjian bernilai RM8 bilion pada 3 Julai 2012 untuk membiaya sebahagian projek MRT.

Majlis menandatangani perjanjian Program Pembiayaan Sukuk yang dijamin kerajaan ini berlangsung di sebuah hotel di Kuala Lumpur dan disaksikan oleh Menteri Kewangan II Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah. Taklimat juga diberi kepada pihak bank dan pelabur yang hadir.

Turut hadir adalah Pengerusi Danainfra, Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dan Pegawai Prinsipal Danainfra, Encik Fazlur Rahman Ebrahim.

Danainfra ditubuhkan oleh Kerajaan khusus untuk mendapatkan pembiayaan untuk projek infrastruktur di negara ini. Projek MRT adalah yang projek pertama yang dibiayai oleh Danainfra.

Empat bank yang menyertai program terbitan sukuk ini adalah AmInvestment Bank Bhd, CIMB Investment Bank Bhd, Maybank Investment Bank Bhd dan RHB Investment Bank Bhd. Lima lagi bank dilantik sebagai Pengurus Aturan Bersama iaitu Affin Investment Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad, HSBC Bank Berhad dan Standard Chartered Bank Berhad.

CIMB Investment Bank bertindak sebagai Penasihat Utama, manakala CIMB Islamic Bank merupakan penasihat Syariah bagi program pembiayaan. Prokhas Sdn Bhd pula bertindak sebagai penasihat kewangan kepada Danainfra.

Dato' Seri Ahmad Husni menyebut dalam ucapannya: "Projek besar seperti projek MRT boleh dilaksanakan dan disiapkan dengan jayanya jika semua elemen penting diambil kira. Elemen-elemen ini adalah masa yang cukup, usaha dan kepakaran bersama, dan paling penting, struktur kewangan yang baik bagi menanggung kos pembangunan projek."

Terbitan pertama dalam bulan yang sama adalah dalam bentuk Program Nota Jangka Sederhana ataupun Islamic Medium Term Notes (IMTN) sehingga RM2.4 bilion. Danainfra melaporkan jumlah pesanan yang diterima berjumlah RM12.915 bilion, yang merupakan nisbah bidaan kepada liputan sebanyak 5.38 kali.



DIMETERAI • *Pegawai Prinsipal Danainfra Nasional Berhad, Encik Fazlur Rahman Ebrahim (ketiga dari kiri) berjabat tangan dengan Timbalan Presiden dan Ketua Global Wholesale Banking Maybank Group Encik Abdul Farid Alias. Bersama mereka adalah (dari kiri ke kanan) Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AmInvestment Bank Encik Kok Tuck Cheong, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Pelaburan Dato' Charon Wardini Mokhzani, Menteri Kewangan II Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dan Pengarah Urusan Kumpulan RHB Bank Berhad Encik Kellee Kam Chee Khiong.*

terkini mengenai projek

GAMBAR-GAMBAR di mukasurat ini menunjukkan kerja pembinaan yang sedang dilakukan di sepanjang Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang. Aktiviti pembinaan sedang berjalan dengan lancar di kesemua lapan pakej kerja jajaran bertingkat dan pakej kerja bawah tanah. Kontrak-kontrak utama bagi tren elektrik, pembinaan landasan, semboyan dan kawalan tren, bekalan tenaga dan peralatan penyelenggaraan tren telahpun dianugerahkan. Fasa pertama Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dari stesen Sungai Buloh sehingga stesen Semantan disasarkan untuk memulakan operasi pada akhir 2016. Fasa kedua dari stesen Semantan sehingga stesen Kajang disasarkan untuk beroperasi pada Julai 2017 dan ini akan membolehkan seluruh jajaran dari Sungai Buloh ke Kajang beroperasi dengan sepenuhnya.



LUAS
Sebahagian daripada tanah Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh yang bakal menjadi depot utama MRT.



LANCAR
Cerucuk berpintal sedang dipasang di lokasi stesen MRT Kota Damansara.



MENARIK
Pandangan dari atas tapak pembinaan antara Kelab Golf Perkhidmatan Awam dan Lebuhraya Sprint.



KERJA BERAT
Dua pekerja sedang menggali lubang secara manual untuk membina 'caisson pile'.



LOKASI TRANSFORMASI
Pemandangan dari atas Portal Semantan di mana jajaran MRT akan bertukar dari jajaran bertingkat menjadi jajaran bawah tanah.



STRUKTUR PENGUAT
Besi tetulang diturunkan ke dalam parit untuk pembinaan dinding diafragma di stesen MRT KL Sentral.





STESEN MASA DEPAN
Stesen MRT Pasar Seni bakal dibangunkan di lokasi yang dahulunya menempatkan Stesen Bas Klang, Plaza Warisan dan Bangunan UO. Stesen ini akan berintegrasi sepenuhnya dengan stesen LRT Pasar Seni yang sedia ada.



EFISIEN
Mesin 'vertical grabber' yang boleh menggali parit sedalam 30m untuk pembinaan dinding diafragma di stesen MRT Merdeka.



LENCONGAN
Lencongan Jalan Bukit Bintang di hadapan Plaza Bukit Bintang dan Yayasan Selangor yang memberi laluan kepada kerja pembinaan stesen MRT bawah tanah Bukit Bintang.



LALUAN MASA DEPAN
Pandangan dari atas kerja pembinaan stesen MRT Pasar Rakyat di tengah-tengah Tun Razak Exchange yang bakal dibangunkan.



LUBANG DALAM
Syaf untuk pelancaran mesin pengorek terowong sedang dikorek di Cochrane. Lokasi ini akan menempatkan empat mesin pengorek terowong yang bakal dilancarkan.



SIBUK
Tapak pembinaan bagi stesen bawah tanah Maluri terletak di sepanjang Jalan Cheras yang sibuk.



GIAT
Kerja 'bore piling' dijalankan berdekatan Flat Sri Sabah di Cheras, Kuala Lumpur.



KEMAJUAN
Ujian bebanan Kentledge (depan) dan pembinaan tiang di Taman Midah, Cheras.



HAMPIR SIAP
Tiang-tiang pertama bagi projek MRT hampir siap dibina.



KERJA BERMULA
Kerja membina cerucuk berdekatan Simpang Balak, Kajang.

MRT KE SEKOLAH

oleh Alita Suraya Mohd Senawi

WARGA kerja Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) kembali ke sekolah bulan Oktober 2012, bukan untuk mengukuhkan ilmu kalkulus mereka tetapi bagi memperkenalkan projek MRT kepada para pelajar. Lawatan yang dibuat merupakan sebahagian daripada program MRT Corp untuk memberi kesedaran di kalangan pelajar yang merupakan pengguna pengangkutan awam masa hadapan.

Program ini bermula dengan lawatan ke dua buah sekolah di Kuala Lumpur yang terletak di sepanjang jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang.

Acara dua hari yang bermula pada 16 Oktober 2012 telah diadakan di SJK (C) Jalan Davidson. Acara ini telah membabitkan lebih 900 pelajar dari Tahun 4 ke Tahun 6. Sekolah tersebut terletak di Jalan Hang Jebat di pusat bandar Kuala Lumpur bertentangan dengan stesen MRT Merdeka yang bakal dibina.

Di acara itu, pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan. Satu taklimat ringkas projek diberi kepada mereka oleh Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam (SCPR) MRT Corp, Encik Amir Mahmood Razak. Beliau juga menjelaskan kebaikan yang boleh diperoleh daripada projek ini.

Acara disusuli dengan permainan yang dipanggil, *"The Amazing MRT Race"* di mana pelajar perlu mengisi silang kata dengan menggunakan maklumat yang diperoleh daripada Trak Informasi MRT (MIT) yang diparkir tidak jauh. Pasukan yang melengkapkan silang kata dengan tepat memenangi hadiah-hadiah utama. Kesemua pelajar yang mengambil bahagian menerima beg cenderahati.

Penolong Pengetua SKJ(C) Jalan Davidson, Puan Lim Bee Hoon mengucapkan terima kasih kepada MRT Corp kerana menganjurkan acara tersebut.

Dua minggu sebelum itu, pada 2 Oktober 2012 pula, warga kerja MRT Corp menganjurkan satu sesi di SMK Victoria di Kuala Lumpur. Sekolah ini juga terletak berdekatan stesen MRT Merdeka. Kira-kira 500 pelajar daripada Tingkatan 1, 2 dan 4 bersama guru-guru mereka mengambil bahagian dalam acara yang diadakan di dewan sekolah.

Encik Amir, Puan Iza Sofia Kasbi dari SCPR dan jurutera MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd Encik Gavin Wong telah memberi taklimat bagi menerangkan aspek-aspek menarik mengenai projek MRT. Para pelajar juga berkesempatan menonton video yang menceritakan tentang jajaran yang bakal siap dan bagaimana terowong MRT akan dibina di bawah tanah Kuala Lumpur.

Pelajar juga dibawa melawat MIT yang diparkir di luar dewan sekolah. Di dalam kenderaan tersebut, mereka berpeluang menggunakan skrin sesentuh *"Hawkeye"* yang memberi gambaran 360 darjah jajaran MRT.

Sebagai penutup acara, Encik Amir menyampaikan cenderahati kepada Penolong Pengetua SMK Victoria Puan Zarina Abdul Rahman.

Selain aktiviti melawat sekolah, MRT Corp juga menganjurkan lawatan-lawatan khas ke Pusat Informasi MRT untuk pelajar. Pelajar diberi taklimat dan tayangan video mengenai projek. Lawatan seperti ini bukan sahaja disertai pelajar sekolah, malah juga daripada institusi pengajian tinggi.







1 **SERONOK •** *Pelajar SJK(C) Jalan Davidson bersungguh menghabiskan silang kata "The Amazing MRT Race".*

2 **KHUSYUK •** *Pelajar SJK(C) Jalan Davidson mendengar taklimat yang disampaikan Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Encik Amir Mahmood Razak.*

3 **SENYUMAN •** *Pelajar SMK Victoria gembira menerima beg cenderahati di luar MIT.*

SUMBANGAN IKHLAS BAWA SERIBU SATU MAKNA KEPADA BEKAS PENDUDUK RUMAH SETINGGAN

SENYUMAN lebar terukir di muka bekas penduduk kawasan setingagan Kampung Landasan ketika acara penyampaian cek saguhati diadakan di Projek Perumahan Rakyat Kg Muhibbah di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Mereka menerima wang saguhati daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp).

Wang saguhati tersebut bertujuan untuk meringankan beban penduduk setinggan yang terpaksa berpindah dari rumah mereka di Kampung Landasan, Cheras. Kawasan setinggan tersebut dirobohkan untuk memberi laluan kepada projek MRT. Kebanyakan penduduk diberi unit di Projek Perumahan Rakyat Kg Muhibbah oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sesetengah daripada mereka berpindah ke rumah sendiri atau ke skim perumahan awam yang lain tetapi kesemua mereka berhak menerima wang saguhati yang diberi.

Semasa acara yang diadakan pada 14 Ogos 2012, cek saguhati disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Perancangan Dasar Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Tuan Haji Azizi Ahmad Termizi dan Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp Encik Amir Mahmood Razak. Turut hadir adalah Pengerusi MCA Cawangan Bukit Jalil Resort, Encik Chew Yin Keen.

Encik Chew telah membantu penduduk setinggan dalam proses pemindahan mereka ke rumah baru. Selepas semua cek diserahkan, para hadirin dijemput ke majlis berbuka puasa.

Bekas penduduk rumah setinggan Kampung Landasan telah mula menerima kunci unit baru mereka di Kampung Muhibbah dan juga projek perumahan rakyat yang lain dengan secara berperingkat bermula Mac 2012.

Kampung Landasan merupakan lokasi Portal Maluri di mana jajaran MRT akan beralih dari jajaran bawah tanah ke jajaran bertingkat.





SUMBANGAN IKHLAS • *Tuan Haji Azizi Ahmad Termizi (kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada Puan Lee Yoke Moy, bekas penduduk Kampung Landasan. (Bawah) Pada Mac 2012, Puan Lee telah menerima kunci kepada unit barunya di Projek Perumahan Rakyat Kg Muhibbah daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Ahmad Phesal Talib yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada masa itu.*

PEMILIK TERIMA BAYARAN EX-GRATIA

HARI yang dinanti-nantikan oleh pemilik rumah Kampung Sungai Raya dan Taman Sri Raya, yang terpaksa melepaskan rumah mereka bagi projek MRT akhirnya tiba. Pada 13 September 2012, berakhirnya satu proses yang bermula sejak akhir tahun 2011 apabila penduduk kedua-dua tempat itu diberitahu rumah mereka akan diambil balik oleh Kerajaan untuk projek MRT.

Dua puluh lapan pemilik tanah Kampung Sungai Raya dan Taman Sri Raya di Cheras menerima bayaran ex-gratia untuk tanah yang terpaksa dilepaskan. Bayaran ini merupakan tambahan kepada bayaran pampasan yang telah diterima mereka pada Mei 2012 untuk pengambilan balik tanah sepertimana yang dibenarkan dibawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

Dua puluh lapan lot tanah itu, yang terdiri daripada 14 lot di Kampung Sungai Raya dan selebihnya di Taman Sri Raya, telah diambil balik untuk pembinaan landasan MRT.

Bagi kebanyakan pemilik rumah, cek yang diterima menimbulkan pelbagai emosi. Mereka berasa lega kerana proses pengambilan balik tanah akhirnya tamat dan kini, mereka menerima wang ex-gratia.

Bagaimanapun, mereka tidak dapat menahan rasa sebak. "Rumah-rumah ini telah menjadi tempat tinggal kami buat bertahun lamanya. Sudah tentu kami berasa sedih kerana terpaksa berpindah," kata Encik Mohd Nuar Zakaria. Beliau yang merupakan pemilik rumah di Taman Sri Raya, adalah jurucakap pemilik rumah di taman itu yang diambil balik.

Namun, kebanyakan mereka memahami keadaan dan pengorbanan yang mereka terpaksa lakukan untuk projek MRT.

"Kami tahu ini merupakan pengorbanan yang dibuat untuk masyarakat. Saya berharap semua orang, terutama kepada mereka yang akan menggunakan MRT, tidak akan lupa akan pengorbanan kami ini," ujar beliau.





1 **DITERIMA •** *Encik Mohd Hezri Othman (kanan) menerima bayaran ex-gratia bagi pihak ibunya, Puan Fatimah Wan Othman yang merupakan pemilik rumah di Taman Sri Raya, daripada Pengurus Bahagian Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah, Encik Azhar Abdul Aziz.*

2 **PENGORBANAN •** *Tuan Haji Mohamed Nuar Zakaria, memegang bayaran ex-gratia. Bersamanya ialah isteri, Puan Rokiah Che Mat dan cucu Qaisarah an Nur Mohd Latiff.*

MIT MEMBERI KESEDARAN TENTANG MRT

oleh Natalya Evon Matthew

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mewujudkan satu lagi saluran untuk menyebarkan maklumat mengenai projek MRT iaitu melalui Trak Informasi MRT ataupun *MRT Information Truck* (MIT). MIT ini membolehkan maklumat projek disampaikan tanpa memerlukan orang ramai datang ke MRT Corp.

Selain MIT, MRT Corp juga menggunakan lima Pusat Informasi MRT dan dua Kios Informasi MRT untuk menyampaikan maklumat dan mengumpul maklumbalas daripada orang ramai.

MIT mula beroperasi sejak 19 Jun 2012 dan setakat ini telah menerima kunjungan daripada lebih 7,000 orang. Maklumat mengenai projek MRT dipaparkan di dalam trak manakala di dinding luar MIT pula terdapat peta gergasi jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dengan semua stesen yang bakal dibangunkan. Dalaman trak tersebut direka seolah gerabak tren MRT yang lengkap dengan tempat duduk dan pemegang tangan.

Ciri yang paling popular yang terdapat di dalam trak adalah skrin sesentuh 'Hawk-Eye' yang memberi pandangan 360 darjah jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dan stesen.

Pelawat ke MIT boleh mendapatkan maklumat tambahan daripada pegawai informasi yang sedia membantu menjawab segala soalan. Semua risalah mengenai projek MRT juga boleh diambil manakala tiga buah komputer riba yang disambung ke Internet boleh digunakan untuk melayari sesawang MRT.

MIT beroperasi setiap hari kecuali Isnin. MIT ditempatkan di lokasi-lokasi tumpuan orang ramai seperti pasar, tempat ibadat, pusat membeli-belah, pejabat, organisasi media, universiti, kolej dan juga sekolah. Orang ramai juga boleh mendapatkan jadual MIT daripada laman sesawang *www.mymrt.com.my.*



PENUH PERHATIAN • *Seorang ibu bersama anaknya meneliti peta yang terdapat di MIT.*

SECARA RINGKAS

Berinteraksi dengan pihak berkuasa



SATU delegasi daripada Kontinjen Polis Selangor yang diketuai Timbalan Ketua Polis Selangor, Dato' A. Thaiveegan melawat Pusat Informasi MRT di Taman Tun Dr Ismail pada 7 September 2012. Mereka diberi taklimat tentang projek MRT oleh Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Dato' Azhar Abdul Hamid dan Pengurus Besar MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Encik Mohammad Amjad Faruq Mohammad Haniff. Turut hadir ialah Pengarah MMC-Gamuda, Dato' Azmi Mat Nor dan pihak pengurusan MRT Corp dan MMC-Gamuda.

"Rat Racers" MRT



MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dengan bangganya menghantar pasukan yang pertama untuk menyertai *"Kuala Lumpur Rat Race"* yang ke-13 tahun ini anjuran Bursa Malaysia dan The Edge pada 25 September 2012. Peoter Lapinski, Ahmad Safuan Ahmad Radzi, Sahrulniza Amri, Zairul Azri Uda Noor dan Ahmad Zhafran Zulkifli telah meluangkan masa untuk menyertai larian sepanjang 4.3km dengan memakai topi dan jaket keselamatan. Pasukan MRT Corp mendapat tempat ke-37 daripada 50 pasukan yang menyertai. Peoter Lapinski merupakan peserta yang paling laju dalam pasukan itu, dengan masa yang dicatatkan 24 minit 22 saat.

Pelajar UiTM Perak melawat Pusat Informasi MRT



SERAMAI 40 pelajar daripada Kelab Pencapai Tinggi Program Ukur Bahan Universiti Teknologi Mara (UiTM) mendapat peluang keemasan untuk mempelajari secara langsung tentang projek MRT ketika lawatan ke Pusat Informasi MRT di Taman Tun Dr Ismail pada 6 September 2012. Mereka diberi pengenalan tentang projek, dan didedahkan kepada kaedah-kaedah pembinaan dan pengurusan nilai.

Rumah Terbuka Hari Raya bertemakan Balik Kampung



MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengadakan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri yang pertama di Pusat Komuniti Bukit Damansara, Kuala Lumpur pada 6 September 2012. Pihak pengurusan dan staf dengan segak memakai baju tradisional, bertepatan dengan tema Balik Kampung. Tetamu dan staf dihidangkan dengan sajian Hari Raya yang enak seperti rendang, sate, lemang, kambing panggang dan lain-lain.

BERBUKA PUASA BERSAMA RESIDEN PPR LAKSAMANA

oleh Nik Haizan Nik Zambri

PADA bulan Ramadan yang mulia, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MMC-Gamuda) telah menganjurkan majlis berbuka puasa bersama penduduk Projek Perumahan Rakyat Laksamana di Jalan Peel, Kuala Lumpur.

Majlis itu membolehkan MRT Corp sebagai pemilik projek MRT dan juga MMC-Gamuda sebagai kontraktor yang melaksanakan pembinaan bawah tanah, untuk berinteraksi dengan penduduk projek perumahan rakyat it. PPR Laksamana terletak berhampiran stesen MRT Cochrane. Pengarah Bahagian Hal Ehwal Berkepentingan dan Pengurusan Tanah, Encik Haris Fadzilah Hassan menyampaikan sumbangan derma kepada yang mereka yang kurang bernasib baik, bagi pihak MRT Corp.

Ketika majlis berbuka puasa, penduduk mengambil peluang untuk bertanyakan pihak projek yang hadir tentang projek MRT. Suasana majlis yang meriah telah menggalakkan mereka bertanya banyak soalan serta memberi maklumbalas dan cadangan. Input yang diperolehi daripada mereka amat penting kerana ianya membolehkan pihak projek mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memastikan penghuni PPR Laksamana tidak mengalami kesulitan disebabkan kerja-kerja pembinaan MRT.

Selepas majlis, para hadirin berkumpul di surau untuk menunaikan solat fardhu Maghrib secara berjemaah. Residen juga diberi peluang melawat Trak Informasi MRT. Pegawai Informasi MIT mengedarkan buletin dan risalah bagi menjana kesedaran yang lebih tinggi tentang projek.

Kebanyakan penduduk berasa bertuah kerana boleh berjalan kaki ke stesen MRT Cochrane yang bakal dibina. Namun, mereka masih menyuarakan kebimbangan jikalau kerja pembinaan akan membahayakan mereka.

Majlis berbuka puasa ini merupakan satu daripada sesi bersama penduduk dan peniaga yang tinggal atau beroperasi berdekatan jajaran MRT yang dianjurkan oleh MRT Corp sebelum kerja pembinaan bermula.

Ini bagi memastikan golongan yang akan mengalami impak langsung daripada pembinaan projek dapat dimaklumkan tentang apa yang bakal berlaku dan kesulitan yang mungkin dihadapi. Sesi-sesi bersama orang ramai yang diadakan memberi ruang kepada penduduk untuk membangkitkan segala persoalan dan kebimbangan tentang projek.



SETELAH SEHARI BERPUASA • *Penduduk beratur menunggu giliran untuk mengambil makanan.*



DI DALAM MIT
Pegawai Informasi Muhammad Ridhwan menunjukkan penghuni Projek Perumahan Rakyat Laksamana informasi mengenai projek MRT.



MEJA PERBINCANGAN
(dari kiri ke kanan) Imam Osman Haji Ahmad, Encik Ismail Kassim, Encik Haris Fadzilah Hassan dan Encik Abdul Halim Ramli menunggu waktu berbuka.

CERITA & MENANG!!!

oleh Nik Haizan Nik Zambri

ANDA mungkin sering mendengar tentang keperluan MRT. Tetapi kini, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mendengar suara anda pula.

Sehubungan itu, MRT Corp telah melancarkan kempen yang dipanggil peraduan "*I need MRT because…*", yang dijadikan landasan bersuara buat masyarakat untuk menceritakan tentang mengapa mereka perlukan MRT. Pendekatan ini adalah lebih unik, berbanding amalan biasa dimana hanya pemilik projek yang bersuara.

Apatah lagi, kempen ini, yang dilancarkan pada 23 September 2012, memberi peluang kepada peserta untuk memenangi hadiah utama, iaitu wang tunai RM10,000 selain hadiah tunai bulanan bernilai RM5,000.

Dua peserta telahpun menjadi pemenang – Tyqa Aziz dan Azmil Mohamad – bagi bulan Oktober dan November masing-masing.

Cara untuk menyertai peraduan ini amat mudah. Peserta hanya perlu memberikan sebab secara ringkas mengapa mereka perlukan MRT. Sebab ini pula perlu beserta gambar.

Gambar-gambar ini akan dipaparkan di laman sesawang mikro kami, iaitu *www.mrtmyride.com.my* untuk diundi oleh orang ramai. Gambar-gambar ini boleh mengandungi elemen lucu, serius atau aneh – apa-apa sahaja.

Sesetengah sebab yang dipaparkan mungkin tidak jauh berbeza, contohnya untuk mengelakkan kesukaran mencari parkir, mengelak daripada terperangkap dalam kesesakan lalu lintas dan untuk tiba di destinasi tepat pada waktu. Jadi, untuk lebih menonjol, peserta telah memasukkan gambar yang menarik.

Peserta yang menerima undian paling banyak akan memenangi hadiah wang tunai. Terdapat tiga pusingan dalam peraduan ini. Dari September hingga Disember, pemenang bulanan akan dipilih manakala untuk pemenang hadiah utama pula akan diumumkan pada Januari 2013.

Seperti dengan Tyqa dan Azmil, penyertaan yang berjaya akan dijadikan bahan untuk iklan projek MRT. Jangan lupa layari laman sesawang mikro "*I need MRT because…*" di *www.mrtmyride.com.my* untuk maklumat lanjut.



PEMENANG PERTAMA • *Tyqa Aziz, pemenang pertama peraduan "I need MRT because…" memegang penyertaannya.*

TIPS — Remember, you can submit more than one entry.

By Date | By Vote | By Views | By Tag | By Winners

Total Entries (4900)

LIM CHUAN SENG 2:36 PM I need MRT because... it providing mobility to lower-income travelers. #5648 30 Nov 2012 VOTE (1)	dkieyla 2:18 PM I need MRT because... its a rapid-transit system faster than road traffic down every corridor and save time in busy town #5647 30 Nov 2012 VOTE (0)	megat 2:05 PM I need MRT because... MUDAH ke mana2 sahaja destinasi anda RELAKS tanpa perlu terkejar2 ke sana sini TEPAT pada masanya #5646 30 Nov 2012 VOTE (0)	mandy 2:04 PM I need MRT because... we need the public transports in the city due to the inreament of population. #5645 30 Nov 2012 VOTE (2)
KoplO 1:54 PM I need MRT because... melancarkan perjalanan #5644 30 Nov 2012 VOTE (0)	TalkFAST 1:53 PM I need MRT because... ia menyenangkan kami! #5643 30 Nov 2012 VOTE (0)	Namjaz 1:50 PM I need MRT because... x perlu berebut makanan #5642 30 Nov 2012 VOTE (1)	EYEZcMONEYonly 1:48 PM I need MRT because... boleh makan dorian dgn tenang #5641 30 Nov 2012 VOTE (0)

BAKAL MENANG • *Penyertaan peraduan "I need MRT because…" di laman sesawang mikro di mana orang ramai boleh mengundi untuk penyertaan yang terbaik.*

PEMENANG PERTAMA

Diilhamkan oleh:
Tyqa Aziz,
Hulu Langat

Saya perlu MRT sebab...

" Ianya satu keperluan untuk saya menepati masa di kota yang sentiasa bergerak pantas ke hadapan. "

- Pemenang, September - Oktober 2012

Kami di MRT Corp beranggapan kami tahu semua sebab kenapa kita perlukan MRT tetapi semenjak peraduan 'I need MRT because…' bermula, anda telah memberikan beratus-ratus sebab lagi dan salah satu daripadanya adalah penyertaan daripada Tyqa, yang telah memenangi RM5,000.

Masih ada masa lagi untuk anda menampilkan idea anda. Layari MRTmyride.com.my untuk sertai peraduan 'I need MRT because...' dan idea paling popular akan dijadikan iklan kami. Hadiah wang tunai juga menanti.

Ikuti status terkini peraduan di facebook.com/MRTMalaysia twitter.com/MRTMalaysia

Peraduan bermula **23 September dan tamat 31 Disember 2012**. Tertakluk kepada terma dan syarat.

MRT CORP

PEMENANG KEDUA

Diilhamkan oleh:
Azmil Mohamad,
Seri Kembangan

Saya perlu MRT sebab...

" Ia "kereta" kedua saya, tapi saya tak bayar petrol atau tol, dan tiada kesesakan trafik serta pencemaran udara. "

- Pemenang, Oktober - November 2012

Kami di MRT Corp beranggapan kami tahu semua sebab kenapa kita perlukan MRT tetapi semenjak peraduan 'I need MRT because…' bermula, anda telah memberikan beratus-ratus sebab lagi dan salah satu daripadanya adalah penyertaan daripada Azmil, yang telah memenangi RM5,000.

Masih ada masa lagi untuk anda menampilkan idea anda. Layari MRTmyride.com.my untuk sertai peraduan 'I need MRT because...' dan idea paling popular akan dijadikan iklan kami. Hadiah wang tunai juga menanti.

Ikuti status terkini peraduan di facebook.com/MRTMalaysia twitter.com/MRTMalaysia

Peraduan bermula **23 September dan tamat 31 Disember 2012**. Tertakluk kepada terma dan syarat.

MRT CORP

PESERTA YANG BERJAYA • *Penyertaan Tyqa Aziz dan Azmil Mohamad, yang dijadikan iklan dalam mempromosi projek MRT.*

Kami mengalu-alukan pertanyaan dan pandangan anda.

Emel ke:

feedback@mymrt.com.my

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
Level 5, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

HOTLINE 24 JAM
1800 82 6868

www.mymrt.com.my

PUSAT INFORMASI MRT

KOTA DAMANSARA
No. A-9-G, Jalan Teknologi 3/9
Bistari De Kota, Seksyen 3
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

TAMAN TUN DR ISMAIL
No. A-1-11, Ground Floor
TTDI Plaza, Jalan Wan Kadir 3
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur

KAJANG
No. 11-G, Jalan Metro Avenue 1
43000 Kajang, Selangor

MRT CORP

DITERBITKAN OLEH:
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)

DICETAK OLEH:
JESPRIN SDN BHD (181756-V)